

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VI)(7)**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

7. Apakah strategi yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mencapai sasaran 30 peratus wanita di dalam semua peringkat pembuat dasar dan keputusan di bawah kerajaan?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. (a) Kerajaan Negeri melaksanakan Dasar Keterangkuman Gender yang dilancarkan pada 9 Mac 2019 di peringkat jabatan Kerajaan dan komuniti. Pelaksanaan dasar ini adalah bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan gender melalui pengamalan nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada lelaki dan wanita di peringkat Jabatan dan komuniti;
- (b) Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) supaya sekurang-kurangnya 30% keanggotaan terdiri daripada golongan wanita pada tahun 2021 iaitu 5 ahli wanita daripada jumlah 15 ahli MPKK. Pelaksanaan inisiatif ini dilaksanakan secara berperingkat di mana MPKK mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) ahli wanita pada tahun 2017 dan telah bertambah kepada sekurang-kurangnya tiga (3) ahli pada tahun 2019;
- (c) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di setiap 40 KADUN di Pulau Pinang. Pelaksanaan JPWK ini melibatkan pelantikan 600 ahli JPWK daripada golongan wanita yang terlibat dalam merancang dan melaksanakan program

berteraskan pembangunan wanita dan keluarga. Pelaksanaan JPWK ini menyediakan platform kepada golongan wanita untuk tampil ke hadapan untuk meningkatkan kemahiran kepemimpinan mereka;

- (d) Kerajaan Negeri telah menambah penglibatan wanita di bawah pentadbirannya dengan kini mempunyai dua (2) EXCO wanita yang memegang portfolio penting di Pulau Pinang. Selain itu, terdapat enam (6) Ahli Dewan Undangan Negeri dan Sembilan (9) Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan yang terdiri daripada daripada golongan wanita;
- (e) Di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula, terdapat seramai 8,569 pegawai di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pegawai wanita adalah seramai 2,348 atau 27.40%. Semua Bahagian, Jabatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan didedahkan dengan pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender di negeri Pulau Pinang. Melalui pelaksanaan dasar ini, Kerajaan Negeri menyasarkan 30 peratus pengisian pegawai wanita dapat dicapai melalui Badan Berkuasa Melantik; dan
- (f) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) melaksanakan program dan bengkel bagi menyediakan golongan wanita supaya mempunyai kemahiran untuk menerajui peringkat membuat dasar dan keputusan.